



KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, FEBRUARI 2024

Kadar pengangguran Februari kekal pada 3.3 peratus, mencatatkan bilangan penganggur yang lebih rendah iaitu pada 567.0 ribu orang

PUTRAJAYA, 08 April 2024 – Kadar pengangguran Februari kekal pada 3.3 peratus, mencatatkan bilangan penganggur yang lebih rendah iaitu pada 567.0 ribu orang, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Februari 2024**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan Februari 2024, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pada Februari 2024, kedudukan tenaga buruh kekal stabil selaras dengan perkembangan aktiviti ekonomi semasa, merekodkan trend positif yang berterusan dalam bilangan penduduk bekerja manakala bilangan penganggur menurun sedikit. Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada bulan tersebut terus merekodkan peningkatan bulan ke bulan, dengan pertambahan sebanyak 0.1 peratus kepada 17.07 juta orang (Januari 2024: 17.05 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh bulan Februari kekal pada 70.2 peratus seperti yang direkodkan pada bulan sebelumnya."

Selain itu, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja terus meningkat, dengan kenaikan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.51 juta orang (Januari 2024: 16.48 juta orang). Sebaliknya, bilangan penganggur pada bulan tersebut terus berada dalam trend menurun, dengan penurunan kecil iaitu sebanyak 0.1 peratus kepada 567.0 ribu orang (Januari 2024: 567.3 ribu orang), mencatatkan kadar pengangguran 3.3 peratus seperti pada bulan sebelumnya.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai kedudukan guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Daripada jumlah penduduk bekerja pada Februari 2024, 75.2 peratus berada dalam kategori pekerja, yang merekodkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 0.1 peratus kepada 12.41 juta orang (Januari 2024: 12.39 juta orang).

Begitu juga, kategori penduduk bekerja sendiri berada pada trend meningkat, naik sebanyak 0.3 peratus kepada 3.02 juta orang (Januari 2024: 3.01 juta orang)."

Dari segi sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian, serta Pertanian juga menunjukkan pertambahan dalam bilangan penduduk bekerja pada Februari 2024.

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada Februari 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, merangkumi 79.8 peratus daripada jumlah penganggur. Kumpulan ini merekodkan penurunan marginal 0.04 peratus kepada 452.4 ribu orang (Januari 2024: 452.5 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 61.6 peratus manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah sebanyak 6.7 peratus. Pada masa yang sama, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif berkurang sebanyak 0.1 peratus kepada 114.6 ribu orang (Januari 2024: 114.7 ribu orang)."

Kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 24 tahun pada bulan tersebut kekal tidak berubah iaitu pada 10.6 peratus, dengan 306.6 ribu penganggur belia (Januari 2024: 10.6%; 306.8 ribu orang). Manakala, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun adalah 6.6 peratus, mencatatkan bilangan penganggur belia seramai 434.8 ribu orang (Januari 2024: 6.7%; 439.7 ribu orang).

Mengenai kumpulan tidak aktif, terdapat sedikit penurunan iaitu sebanyak 0.01 peratus yang direkodkan dalam bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada bulan Februari 2024 berbanding bulan sebelumnya, dengan jumlah seramai 7.23 juta orang (Januari 2024: 7.23 juta orang). Sebab utama penduduk berada di luar tenaga buruh adalah berikutan kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, merangkumi 42.5 peratus, diikuti oleh sebab bersekolah/ latihan sebanyak 41.0 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, sejajar dengan kedudukan ekonomi negara yang stabil, kebanyakan sektor ekonomi diunjurkan berkembang pada tahun 2024, dengan sektor Perkhidmatan dan Pembuatan akan menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan keseluruhan. Di samping itu, permintaan yang semakin meningkat terhadap pekerjaan profesional dalam perkhidmatan perniagaan dan pentadbiran dapat dilihat susulan lebih banyak firma melancarkan platform e-dagang, menggunakan media sosial untuk pemasaran, meneroka analisis data untuk kecekapan, dan mengamalkan sistem automasi dan digital. Permintaan domestik yang kukuh, berikutan perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan pada musim perayaan yang akan datang, juga dijangka menyokong aktiviti pengambilan pekerja. Oleh itu, kedudukan pasaran buruh dijangka terus berkembang pada bulan-bulan

berikutnya, disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap guna tenaga ke arah ekonomi yang lebih baik.

Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui papan pemuka Data Interaktif Pasaran Buruh Malaysia (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Februari 2021 - Februari 2024



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Februari 2021 - Februari 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
08 APRIL 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, FEBRUARY 2024

February's unemployment rate remained at 3.3 per cent, registering a lower number of unemployed at 567.0 thousand persons

PUTRAJAYA, 08 April 2024 – February's unemployment rate remained at 3.3 per cent, registering a lower number of unemployed at 567.0 thousand persons, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, February 2024**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for February 2024, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "In February 2024, the country's labour force position remained stable in line with the development of current economic activities, recording a continuing positive trend in the number of employed persons while the number of unemployed persons fell slightly. Therefore, the number of labour force during the month continued to record a month-on-month increase, with an addition of 0.1 per cent to 17.07 million persons (January 2024: 17.05 million persons). February's labour force participation rate stood at 70.2 per cent as recorded in the preceding month."

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the number of employed persons remained increasing, with a month-on-month rise of 0.2 per cent to 16.51 million persons (January 2024: 16.48 million persons). In contrast, the number of unemployed persons during the month continued to be on a downtrend, with a marginal decrease of 0.1 per cent to 567.0 thousand persons (January 2024: 567.3 thousand persons), registering a 3.3 per cent unemployment rate as in the prior month.

Explaining further on the employment situation, the Chief Statistician Malaysia said, "Out of the total employed persons in February 2024, 75.2 per cent were in the employees' category, which recorded a slight increase of 0.1 per cent to 12.41 million persons (January 2024: 12.39 million persons). Likewise, the own-account workers category was on an upward trend, rose by 0.3 per cent to 3.02 million persons (January 2024: 3.01 million persons)."

In terms of the economic sector, the Services sector continued to register an increase in the number of employed persons, particularly in the Wholesale & retail trade; Food & beverage services; and Transportation & storage activities. The Manufacturing, Construction, Mining & quarrying and Agriculture sectors also saw a rise in the number of employed persons in February 2024.

Elaborating further on the unemployment situation in February 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The actively unemployed or those who were available for work and actively seeking jobs, encompassed 79.8 per cent of the total unemployed persons. This group recorded a marginal decrease of 0.04 per cent to 452.4 thousand persons (January 2024: 452.5 thousand persons). Among the actively unemployed, those who were unemployed for less than three months comprised 61.6 per cent while those who were in long-term unemployment for more than a year were 6.7 per cent. On the same note, those who believed that there were no jobs available or the inactively unemployed reduced by 0.1 per cent to 114.6 thousand persons (January 2024: 114.7 thousand persons)."

The unemployment rate among youth aged 15 to 24 years during the month remained unchanged at 10.6 per cent, with 306.6 thousand unemployed youths (January 2024: 10.6%; 306.8 thousand persons). Meanwhile, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years was 6.6 per cent, registering the number of unemployed youths at 434.8 thousand persons (January 2024: 6.7%; 439.7 thousand persons).

Concerning the inactivity group, there was a slight decrease of 0.01 per cent recorded in the number of persons outside the labour force in February 2024 compared to the previous month, totalling 7.23 million persons (January 2024: 7.23 million persons). The main reason for being outside the labour force was due to housework/ family responsibilities, comprising 42.5 per cent, followed by schooling/ training reasons at 41.0 per cent.

Concluding the statement, in line with the stable country's economic situation, most of the economic sectors are anticipated to expand in 2024, with the Services and Manufacturing sectors set to be the key drivers of overall growth. In addition, rising demand for professionals in business and administration services was observed as more firms launched e-commerce platforms, used social media for marketing, explored data analytics for efficiency, and adopted automation and digital systems. Robust domestic demand, on the back of resilient household spending during the upcoming festive season, is also expected to support the hiring activities. Therefore, the labour market position is foreseen to continue to grow in the following months, supported by continued demand for employment towards a better economy.

Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more

information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Employed persons, Malaysia, February 2021 - February 2024





Chart 2: Unemployment, Malaysia, February 2021 - February 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

08 APRIL 2024